



## KENYATAAN RASMI

### JABATAN KERJA RAYA

#### **MENANGANI PENULARAN WABAK NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19)**

---

Berikutan pertambahan statistik jangkitan wabak COVID-19 di dalam negara, pihak pengurusan atasan Jabatan Kerja Raya menggesa semua warga kerjanya untuk mengambil langkah-langkah kawalan bagi mencegah penularan wabak.

Selain itu, warga JKR adalah dinasihatkan untuk menengguhkan perjalanan ke luar negara buat masa ini jika tiada sebarang keperluan yang mendesak.

Pihak pengurusan atasan menyeru agar warga JKR bersama-sama menekankan aspek kesihatan dan kebersihan diri bagi mencegah penularan wabak ini. Menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan risiko penularan wabak ini terutamanya di tempat kerja dapat dicegah. Justeru, kerjasama daripada warga JKR mengenai perkara ini amatlah dihargai .

Bersama-sama ini dilampirkan infografik langkah-langkah pencegahan untuk perkongsian bersama.

**Disediakan oleh,**

**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

10 Mac 2020


9.30 Pagi

# TINDAKAN YANG PERLU

SELEPAS PULANG DARI NEGARA TERLIBAT COVID-19

CHINA  
THAILAND  
USA  
AUSTRALIA  
JEPUN  
SINGAPURA

TAIWAN  
PERANCIS  
KOREA SELATAN  
VIETNAM  
KANADA  
NEPAL



## 1 PANTAU

Pantau kesihatan anda di rumah dalam tempoh 14 hari.



## 5 JARAK

Jarakkan kedudukan dengan warga emas, kanak2, pesakit diabetik, obesiti atau pesakit lemah antibodi.



## 2 TUTUP

Pastikan pakai penutup hidung dan mulut jika berada di kawasan yang sesak dengan orang ramai.



## 6 PERIKSA

Segera datang ke hospital/ klinik jika anda mempunyai tanda-tanda seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak, sesak nafas, sakit dada untuk pemeriksaan lanjut...

## 3 ELAK

Elakkan berkunjung ke rumah kenalan atau lokasi yang sesak.



## 4 CATAT

Catitkan nama tetamu yang berkunjung ke rumah anda.

## 7 BERTENANG

Jika anda tidak mempunyai tanda-tanda seperti di atas, tidak perlu datang untuk saringan... anda tidak perlu panik. Hubungi CPRC untuk pertanyaan lanjut;

**NATIONAL CRISIS PREPAREDNESS & RESPONSE CENTRE**

Infografik disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, CDPK JKR Malaysia



- Waktu Pejabat 03 - 8881 0200  
03 - 8881 0600  
- Selepas Waktu Pejabat 013 - 6699 700  
- Emel : cprc@moh.gov.my